NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 [RABU]

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] inta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes kebakaran membabitkan maahad tahfiz sejak tahun 2010 dan apakah tindakan tegas Kerajaan untuk memastikan penyelarasan aspek keselamatan maahad tahfiz dipatuhi bagi mengelak kejadian buruk berulang.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah Tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen

Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu aspek keselamatan adalah berada dibawah sekolah berkenaan dan berada dibawah kawalan pihak berkuasa agama negeri berkenaan.

Berdasarkan statistik dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menunjukkan sebanyak 124 kes kebakaran melibatkan bangunan Tahfiz/sekolah/madrasah pengajian Pondok dari 2013 hingga 2017. Jumlah ini termasuk 2 kes kebakaran yang baru berlaku di tahfiz Nur Al-Quran di Kapar dan Darul Quran Ittifaqiyyah di Keramat.

Dalam usaha menambahbaik sekolah tahfiz, Kerajaan telah menubuhkan High Level Committee (HLC) mengenai Pasukan Petugas Sekolah-Sekolah Tahfiz yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Jawatankuasa akan menadangkan penambaikan dalam semua aspek termasuk aspek keselamatan. Kerajaan telah mengarahkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat pemeriksaan keselamatan kepada semua institusi tahfiz diseluruh negara dan menadangkan penambaikan dalam aspek tersebut.

Sekian, terima kasih.

Soalan (35)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	15 NOVEMBER 2017 [RABU]
DARIPADA	:	YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]

SOALAN :-

YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan **sama ada dapatkah Kementerian membina/mewujudkan sebuah balai bomba di kawasan DUN Batu Danau Parlimen Limbang kerana kawasannya yang jauh daripada balai bomba yang ada di pekan Limbang**

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian belum ada perancangan pembinaan balai bomba di kawasan DUN Batu Danau Parlimen Limbang. Buat masa sekarang kawasan DUN Batu Danau mendapat perlindungan kebakaran dari **Balai Bomba dan Penyelamat Limbang** yang mempunyai keanggotaan **35 orang** dan **dua jentera pemadam** dengan jarak perjalanan **sejauh 33 km.**

Selain daripada itu, DUN Batu Danau juga terdapat **Pasukan Bomba Sukarela Nanga Medamit** yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 2017 dengan **jarak 15 kilometer** ke kawasan Batu Danau.

Pasukan tersebut mempunyai **keahlian** seramai **45 orang** dan Kementerian telah membekalkan **7 set peralatan perlindungan diri** (*Personal Protective Equipment*) melibatkan jaket api, kasut, gloves dan helmet pada **27 Ogos 2017.**

Berdasarkan **kajian perlindungan kebakaran** *(fire cover)*, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, kawasan DUN Batu Danau berada

dalam kawasan berisiko rendah. Walau bagaimanapun Kementerian merancang untuk menubuhkan **Pasukan Bomba Komuniti** di kawasan tersebut yang berperanan untuk menyampaikan maklumat mengenai pencegahan kebakaran kepada masyarakat setempat.

Kerajaan juga menasihatkan masyarakat untuk mempunyai sekurang-kurangnya **satu alat pemadam api** di setiap rumah sebagai langkah awal menangani kebakaran kecil. Selain daripada itu, **memasang alat pengesan asap** di luar bilik tidur juga mampu memberi amaran awal kepada penghuni kerana kebanyakkan kes kematian berlaku semasa penghuni sedang tidur.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2017